

14 JUN 2003

Khalil-Umno

TIADA KEJUTAN, PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-57 SEPERTI BIASA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Walaupun perhimpunan agung Umno ke-57 minggu depan merupakan yang terakhir bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno, tidak ada acara istimewa diadakan, sebaliknya ia dijangka berlangsung seperti biasa.

Setiausaha Agung parti Tan Sri Khalil Yaakob berkata perhimpunan tahunan parti pemerintah itu akan dijalankan seperti biasa selaras dengan kehendak Perdana Menteri sendiri yang mahu ia dijalankan seperti tahun-tahun sebelum ini.

"Lagi pun kita masih ada beberapa bulan lagi sebelum Oktober (tarikh persaraan Dr Mahathir)... perbezaan perhimpunan kali ini tentunya daripada segi ucapan," katanya semasa memberi taklimat mengenai Perhimpunan Agung Umno ke-57 yang akan berlangsung dari 17 hingga 21 Jun, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Khalil berkata apa yang penting adalah fokus diberikan kepada Ucapan Dasar Presiden dan amanatnya semasa ucapan penggulungan.

"Kalau hendak mengatakan sesuatu yang istimewa (pada perhimpunan kali ini) ialah pada kandungan ucapan termasuk semasa perbahasan oleh para perwakilan dan bukannya acara, persediaan peralatan atau kemudahan," katanya.

Khalil berkata: "Fokus yang diberikan oleh para perwakilan juga tentunya kepada amanat Presiden, malahan di sana sini kedengaran bahawa ucapan dasar (Dr Mahathir) dan ucapan penggulungannya sangat ditunggu-tunggukan."

Sejumlah 2,248 perwakilan termasuk para pemerhati akan menghadiri perhimpunan parti yang bakal menjadi perhimpunan terakhir Dr Mahathir sebagai Presiden parti.

Pada perhimpunan agung tahun lepas, Dr Mahathir mengejutkan negara apabila mengumumkan peletakan jawatannya dalam kerajaan dan parti tetapi menarik balik keputusannya setelah dipujuk oleh para pemimpin dan anggota parti.

Perdana Menteri kemudiannya mengemukakan pelan peralihan kepimpinan dengan bersetuju untuk terus memegang jawatan sehingga sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober dan menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Mengenai Ucapan Dasar Presiden yang akan dibahaskan oleh para pengerusi perhubungan Umno negeri dan ketua-ketua pergerakan parti, Khalil berkata ia bertujuan menunjukkan kesepaduan sokongan kepada Dr Mahathir dan juga timbalannya yang akan mengambilalih kepimpinan tinggi negara.

"Ia (perbahasan) juga akan menjadi lebih autoritatif bagi mewakili negeri masing-masing dan menggambarkan satu nada yang lebih serius untuk menyampaikan penghargaan," dan Khalil menjelaskan bahawa keputusan mengenai perbahasan ucapan dasar itu diputuskan oleh Majlis Tertinggi Umno.

Katanya seperti kelaziman, tiga usul akan dibentangkan iaitu Ucapan Dasar Presiden, Usul Agama dan Usul Pendidikan/Ekonomi.

Mengenai perhimpunan Umno kali ini, Khalil berkata ia akan bermula pada Selasa dengan acara tertutup Majlis Taklimat Presiden di Dewan Merdeka yang akan dihadiri anggota MT, Exco Pergerakan Pemuda, Pergerakan Wanita, Pergerakan Puteri, ketua-ketua bahagian, pergerakan, setiausaha negeri.

Pada sebelah malamnya, Timbalan Presiden Umno akan merasmikan serentak perhimpunan agung Pemuda, Wanita dan Puteri Umno.

Pada Rabu, ketiga-tiga pergerakan parti akan mengadakan perhimpunan

agung tahunan masing-masing di Dewan Tun Dr Ismail (Pemuda), Dewan Merdeka (Wanita) dan Dewan Tun Hussein Onn bagi Puteri Umno.

Perasmian perhimpunan agung parti akan diadakan pada Khamis di Dewan Merdeka dan berlangsung sehingga Sabtu. Antara acara sokongan yang akan diadakan ialah Jamuan Presiden pada Khamis malam manakala Jamuan Timbalan Presiden pada Jumaat malam.

Mengenai liputan perhimpunan kali ini, sejumlah 67 syarikat media tempatan dan asing telah mendaftar dengan ibu pejabat dan jumlah itu dijangka bertambah pada hari pertama perhimpunan agung parti.

Sejumlah 18 buah parti politik negara asing, antaranya daripada Kemboja, Syria, Iran, Turki, Indonesia akan menghantar wakil sebagai pemerhati dan wakil daripada 44 Kelab Umno Luar Negara akan hadir.

-- BERNAMA

HS KHY PR